

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BN pilih bekas guru calon Setapak

KUALA LUMPUR, Ahad — Encik Idris Baari bekas guru dipilih sebagai calon Barisan Nasional menggantikan Haji Idris Ibrahim di kawasan Parlimen Setapak, dalam pilihanraya umum, 22 April depan. Ini diumumkan oleh Pengarah Pilihanraya Selangor dan Wilayah Persekutuan, Datuk Haji Harun Idris selepas berbincang dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di kediamannya, petang ini.

Encik Idris, kini seorang usahawan dianggap adalah tokoh yang paling layak sebagai calon BN di kawasan itu.

Dalam pilihanraya umum 1978 lalu, Haji Idris Ibrahim menang tanpa bertanding. Majoriti pengundi kawasan itu adalah Melayu.

Di lain-lain kawasan di Wilayah Persekutuan iaitu Damansara, Kepong, Sungai Besi dan Kuala Lumpur Bandar juga telah ditetapkan calon-calonnya.

MCA diberi tiga kawasan iaitu Damansara (Sungai Besi dan Kuala Lumpur Bandar manakala kawasan Kepong diberi kepada Gerakan.

Calon Barisan Nasional di Damansara ialah Encik Tan Koon Swan, Sungai Besi pula ialah Encik Kee Yong Yee. (Kedua-duanya dari MCA).

Kemungkinan besar kawasan Kepong akan diberi kepada Naib Presiden Gerakan, Datuk Michael Chen.